

21 NOV 2001

Agong-Abdullah

KEMANGKATAN AGONG KEHILANGAN BESAR KEPADA NEGARA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menganggap kemangkatan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebagai "satu kehilangan besar kepada negara".

"Saya sendiri berasa sangat sedih. Baginda seorang raja yang baik, seorang yang berjiwa rakyat," kata beliau apabila dihubungi oleh BERNAMA hari ini.

Baginda disifatkan sebagai raja "mesra rakyat" dan baginda sering mendampingi rakyat.

Abdullah berkata ke mana sahaja baginda pergi untuk melawat, rakyat jelata akan tampil ke depan untuk berjabat tangan dengan baginda.

"Saya pernah melihat ini setiap kali saya mengiringi Seri Paduka semasa baginda melawat pelbagai tempat," katanya.

Abdullah berkata Sultan Salahuddin, orangnya bertimbang rasa dan mengambil berat akan masalah yang dihadapi oleh rakyat.

"Dalam banyak kali saya mengadap Seri Paduka, baginda sentiasa bercakap mengenai rakyat, masalah mereka. Baginda mahu rakyat hidup dalam persekitaran yang sihat."

Abdullah berkata Sultan Salahuddin juga sentiasa menekankan yang tidak harus ada perlakuan melampau dalam agama.

Memandangkan baginda menghargai keamanan dan kemakmuran di negara dan banyak kali pernah berbicara akan perlunya memulihara dua aspek itu tanpa mengira kos.

"Semua ini menunjukkan yang beliau seorang raja yang mengambil berat akan kebajikan rakyat.

"Saya pasti semua warga Malaysia akan turut merasai kehilangan baginda, saya sendiri sangat sedih," menurut Abdullah lagi.

Sultan Salahuddin, Yang di-Pertuan Agong ke 11 mangkat di Pusat Perubatan Gleneagles Intan pagi ini selepas gering selama lebih dua bulan kerana masalah jantung.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kemangkatan Seri Paduka melalui Radio Television Malaysia.

-- BERNAMA

ES ZS PR